

KHUTBAH JUMAAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa Taala* dengan berusaha melaksanakan setiap perintah dan meninggalkan larangan-Nya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taala*,

Mutakhir ini didapati sebahagian masyarakat kita terburu-buru untuk berhutang dan meminjam bagi mendapatkan barangan keperluan atau sesuatu yang dihajati tanpa terlebih dahulu memikirkan kesan buruk di sebalik perbuatan tersebut.

Terdapat sesetengah orang menjadikan berhutang itu dianggap perkara biasa bagi menyelesaikan masalah dan juga menunjukkan kemewahan dan bermegah-megah dengan sesuatu yang mereka miliki. Perbuatan mereka itu tanpa disedari adalah perangkap yang akan membawa kepada kesusahan hidup yang berpanjangan. Statistik hutang yang dilaporkan melalui dada-dada akhbar dari badan-badan yang berautoriti dalam negara, cukup menunjukkan kita betapa, hutang sudah menjadi darah daging yang seakan tidak dapat dipisahkan dari masyarakat dewasa ini.

Sebagai contoh Utusan Malaysia, bertarikh 3 Mac 2011 melaporkan bahawa ramai penjawat awam di negara ini dibelenggu masalah hutang yang serius sehingga membawa kepada muflis. Pada 2009 sahaja, dilaporkan seramai 1,086 penjawat awam diisytiharkan muflis kebanyakannya lelaki.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taala*,

Pada pandangan syarak amalan berhutang adalah diharuskan selagimana ia bertujuan meringankan beban hidup dan bagi menyelesaikan masalah yang diharuskan oleh syarak. Tetapi sebaliknya, jika perbuatan berhutang untuk tujuan maksiat atau sengaja untuk hidup mewah melampau batasan maka ia adalah dilarang dalam Islam.

Allah *Subhanahu wa Taala* berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 282:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan hutang piutang secara tidak tunai yang diberi tempoh sehingga ke sesuatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu mencatat (hutang dan masa bayarannya itu).*

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud: “*Barang siapa yang meminjam harta orang lain dengan niat ingin mengembalikannya, Allah akan mengembalikan pinjaman itu, namun barang siapa yang meminjamkannya dengan niat ingin merugikannya,*

Allah

akan

merugikannya”.

Berhutang adalah amalan yang tidak baik jika tujuannya semata-mata untuk hidup mewah dan berbelanja besar sedangkan tiada kemampuan untuk berbuat demikian. Sekarang kita dapati banyak institusi kewangan mengadakan pelbagai kempen menggalakkan masyarakat berhutang. Akibat daripada keinginan untuk menaikkan tahap kehidupan dan berlumba-lumba menunjukkan kemewahan menyebabkan bertambah ramai orang berhutang tanpa memikirkan kesannya. Lebih malang lagi apabila ada pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan dengan menawarkan kepada masyarakat untuk berhutang secara mudah yang kemudiannya menekan dengan bunga yang berganda-ganda kepada mereka.

Fenomena ini adalah amat membimbangkan kerana akibat daripada peningkatan sara hidup yang tinggi maka ada di kalangan umat Islam yang mengambil jalan pintas dengan mencari peminjam seperti Ah Long yang melakukan penipuan dan peras ugut terhadap peminjam. Ramai individu yang tertekan kehidupannya disebabkan berhutang dengan Ah Long yang hutangnya yang jadi berganda-ganda. Mereka memaksa peminjam dengan menggunakan samseng bagi memeras ugut jika lambat membayar .

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taala*,

Semakin ramai individu berhutang dan terbelenggu dengan tekanan membayar hutang khususnya yang berhutang dengan Ah long yang jelas mengamalkan riba. Amalan riba jelas haram kerana melanggar perintah larangan Allah swt sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 278 hingga 279:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا

بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِن تُبْتِغُوا فَلَئِمَّ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan menjauhi saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman. Jika kamu tidak mahu melakukan (perintah mengenai larangan riba' itu), maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangi kamu (akibatnya kamu tidak selamat), dan jika kamu bertaubat (menghentikannya), maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak menganiaya (kepada sesiapa), dan kamu juga tidak teraniaya;*

Ingatlah, mereka yang berhutang dan sengaja tidak membayar hutang hukumnya haram dan menjadi halangan untuk memasuki syurga. Maka dengan ini jauhilah daripada berhutang jika tidak ada keperluan yang benar-benar mendesak seperti berhutang dengan menggunakan kad kredit. Sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يُغْفَرُ لِلشَّهِيدِ كُلِّ ذَنْبٍ إِلَّا الدَّيْنَ

Yang bermaksud: *“Diampunkan bagi orang yang mati syahid setiap dosanya , kecuali hutang.”*

Mereka juga lupa bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sentiasa berdoa dilepaskan dari belunggu hutang sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari: “Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada dosa dan hutang.” Lalu baginda ditanya: “Mengapa engkau sering meminta perlindungan daripada hutang, wahai Rasulullah?” Baginda menjawab: “Jika seseorang berhutang, apabila berbicara dia dusta, apabila berjanji dia mengingkari.”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Yang bermaksud : *Dan nafkahkanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkanlah diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat baik.*

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.